

BAB 9

WARISAN KESULTANAN

MELAYU

ISI KANDUNGAN

- 9.1 Sistem pemerintahan dan pentadbiran
- 9.2 Sistem Perundangan Kerajaan Melayu
- 9.3 Kegiatan Ekonomi di Negeri-negeri Melayu
- 8.4 Sosiobudaya

9.1 SISTEM PEMERINTAHAN DAN PENTADBIRAN



SULTAN ATAU RAJA

Kedaulatan Sultan

*Menjamin Keamanan

*Daulat dapat lihat melalui kemampuan sultan melaksanakan tugas

*Rakyat yang tidak menurut perintah akan dikena tulah

Pengukuhan Daulat

Penggunaan alat
kebesaran

Keunggulan peribadi
dan keunggulan
sultan

Penggunaan
bahasa dalam

SISTEM PEMERINTAHAN DAN PENTADBIRAN NEGERI SEMBILAN

YAMTUAN BESAR

UNDANG

- *Ketua segala luak
- *Empat luak diperintah oleh undang iaitu Sg. Ujong, Jelebu, Johol dan Rembau
- *daerah lain diperintah oleh penghulu

LEMBAGA

Ketua suku atau waris

BUAPAK

- *Ketua Perut
- *Setiap anggota perut merupakan anak buat

PERANAN PEMBESAR NEGERI-NEGERI MELAYU

| PEMBESAR | PERANAN |
|--|--|
| Pembesar Peringkat Negeri | <ul style="list-style-type: none"> a) Melaksanakan perintah sultan b) Mentadbir dan mengutip cukai di kawasan tertentu |
| Pembesar Peringkat Jajahan atau Daerah | <ul style="list-style-type: none"> a) Menjaga keamanan b) Mempertahan kedaulatan negeri c) Menyerah sebahagian hasil dan cukai kepada kerajaan d) Menyediakan tenaga kerja |
| Pembesar Peringkat Kampung (Dikenali sebagai penggawa atau penghulu) | <ul style="list-style-type: none"> a) Memungut cukai b) Membekalkan tenaga tentera c) Mengekalkan taat setia masyarakat d) Perantara antara pembesar dengan rakyat |
| Golongan Agama | <ul style="list-style-type: none"> a) Penasihat sultan , kadi, mufti atau pembesar negeri b) Berdakwah c) Mengendalikan pengajian agama d) Menghasilkan karya agama e) Menjadi imam, khatib, bilal dan juru nikah |
| Ahli Magis (Bomoh atau Pawang) | <ul style="list-style-type: none"> a) Mahir dalam bidang perubatan b) Berpengetahuan luas tentang khasiat akar kayu dan herba |

9.2 SISTEM PERUNDANGAN

| Undang – Undang Adat | Undang – Undang Bertulis |
|---|--|
| <ul style="list-style-type: none">• Adat Temenggung• Adat Perpatih | <ul style="list-style-type: none">• Hukum Kanun Melaka• Undang – undang Laut Melaka• Undang – undang Pahang• Undang – undang 99 Perak• Undang – undang Kedah |


Undang-Undang Adat

| | |
|--|--|
| <ul style="list-style-type: none">• Undang – Undang Adat | <ul style="list-style-type: none">• Dihafal turun – temurun• Peraturan berdasarkan amalan kebiasaan masyarakat yang mesti dipatuhi• Ketua adapt mahir mentadbir dan melaksanakan hokum |
|--|--|

Ciri- Ciri Serta Keistimewaan Adat Temenggung dan Adat Perpatih

| | | |
|---|--|--|
| <p>Adat Temenggung</p> <ul style="list-style-type: none"> • Bercorak autokratik • Kuasa tertinggi ditangan Raja atau Sultan | <p>Sistem Pemerintahan</p> | <p>Adat Perpatih</p> <ul style="list-style-type: none"> • Menekankan unsure demokras dan permuafakatan • Sesuatu keputusan dibuat bersama |
| <ul style="list-style-type: none"> • Mengikut sebelah ibu dan ayah • Selari dengan hokum syarak, lelaki diberi keutamaan dan nasab keturunan dikira daripada sebelah bapa | <p>Sistem kekeluargaan</p> | <ul style="list-style-type: none"> • Setiap ahli suku adalah bersaudara • Keluarga sebelah ibu diutamakan kerana jurai ini melahirkan suku |
| <ul style="list-style-type: none"> • Dilakukan mengikut hukum syarak | <p>Perkahwinan</p> | <ul style="list-style-type: none"> • Perkahwinan sesama suku adalah dilarang kerana suku yang sama dianggap bersaudara |
| <ul style="list-style-type: none"> • Anak lelaki diutamakan | <p>Pembahagian harta pusaka</p> | <ul style="list-style-type: none"> • Diberatkan di sebelah ibu |
| <ul style="list-style-type: none"> • Bertujuan memberi pengajaran kepada orang lain • Sultan melaksanakan hukuman tetapi pembesar atau penghulu boleh melakukan sekiranya mendapat mandat | <p>Hukuman</p> | <ul style="list-style-type: none"> • Bertujuan untuk pemulihan • Undang- undang dapat menyedarkan pesalah supaya tidak mengulangi kesalahan |

UNDANG – UNDANG BERTULIS



9.3 KEGIATAN EKONOMI DI NEGERI – NEGERI MELAYU

| | |
|--------------------------|---|
| Pertanian | <ul style="list-style-type: none"> • Menanam pelbagai jenis tanaman seperti padi sawah , padi huma, sayur-sayuran, buah- buahan dan ubi • Kawasan utama berhampiran sungai • Peralatan yang digunakan seperti tajak , cangkul. Bajak , tenggala, penyisir dan kuku kambing • Membina empangan untuk menakung air bagi menambah hasil pengeluaran padi |
| Perikanan | <ul style="list-style-type: none"> • Menggunakan peralatan tradisional • Hasil diperdagangkan |
| Kraftangan | <ul style="list-style-type: none"> • Kreatif dan berkemahiran dalam menghasilkan barangan kraftangan |
| Perlombongan | <ul style="list-style-type: none"> • Negeri- negeri Melayu kaya dengan hasil logam seperti bijih timah • Menggunakan kaedah mendulang atau melampas dan lombong Siam |
| Perdagangan | <ul style="list-style-type: none"> • Dilakukan secara berjual beli atau tukar barang • Sultan dan pembesar menjadi pemodal • Pusat perdagangan terletak dipelabuhan yang berhampiran kawasan muara sungai |
| Sistem Percukalan | <ul style="list-style-type: none"> • Bayaran yang dikenakan ke atas hasil pertanian, perlombongan , perdagangan dan hasil hutan • Sumber pendapatan pemerintah • Jenis – jenis cukai(cukai bebas kuala, cukai kepala dan cukai tanaman) |
| Sistem Serah | <ul style="list-style-type: none"> • Pemberian sebahagian daripada hasil tanaman yang diusahakan oleh rakyat kepada pemerintah |
| Sistem Kerah | <ul style="list-style-type: none"> • Sesuatu pekerjaan yang dibuat tanpa diberi upah • Menunjukkan sikap taat setia , sedia berkorban dan berganding bahu rakyat untuk membantu pemerintah |

TIMBANGAN, SUKATAN DAN UKURAN

| Sistem | Sukatan | Timbangan | Ukuran |
|--------------------|--|---|--|
| Tujuan | Mengukur isipadu sesuatu benda | Mengukur berat barangan | mengukur keluasan dan jarak |
| Bahan yang disukat | Beras, bijih timah, rempah , garam dan kacang | Emas, perak,bijih timah dan rempah | Keluasan tanah dan jarak antara kampung |
| Alatan | <ul style="list-style-type: none"> • Kaul • Cupak • Gantang | <ul style="list-style-type: none"> • Pikul • Dacing | <ul style="list-style-type: none"> • Berdasarkan tempoh masa berjalan atau berdayung sampan seperti sepelaung, setanak nasi, sehari, sepekan dan sepuhnama • Sehasta dan sejengkal |

PENGANGKUTAN

| Pengangkutan Darat | Pengangkutan Air |
|--|--|
| <p>Denai penarikan menghubungkan Pahang dengan Melaka</p> <p>Dinamakan Denai Penarikan kerana perahu terpaksa ditarik untuk sampai ke Sungai kesan</p> <p>Masa perjalanan dapat disingkatkan</p> <p>Alat pengangkutan</p> <ul style="list-style-type: none">• Gajah, kerbau atau lembu untuk mengangkut barang | <p>Perhubungan dan barangan dapat diangkut dengan mudah dan cepat</p> <p>Kesan</p> <p>Banyak petempatan didirikan di kawasan berhampiran sungai</p> <p>Alat Pengangkutan</p> <ul style="list-style-type: none">• Jalur, kolek, perahu dan sampan |

9.4 SOSIOBUDAYA

STRUKTUR MASYARAKAT MELAYU TRADISIONAL

| Golongan Pemerintah | Golongan Diperintah |
|--|--|
| <ul style="list-style-type: none">• Sultan• Kerabat diraja• Pembesar• Ulama• Pendeta | <ul style="list-style-type: none">• Golongan Merdeheka• Rakyat Biasa• Rakyat asing• Hamba |

GAYA HIDUP GOLONGAN BANGSAWAN

Gaya Hidup Golongan Bangsawan

Upacara pertabalán sultan

- Bendahara duduk berhampiran dengan singgahsana
- Laksamana dan Seri Bija Diraja membawa pedang kerajaan
- Turut membawa keris panjang, cogan, tepak dan ketur

Upacara kemangkatan raja

- Jenazah disempurnakan mengikut hukum Islam
- Bendera kuning diturunkan dan bendera putih dinaikkan
- Melepaskan tembakan meriam

Menjunjung Duli

- Sebagai tanda hormat dan taat setia
- Dilakukan dibalairung seri ketika menghadap sultan


Menyambut Tetamu atau utusan

- Upacara dibuat berdasarkan kedudukan Negara

Pakaian Diraja

- Dibuat menggunakan benang emas dan dihiasi dengan permata

**GAYA HIDUP
GOLONGAN RAKYAT**



Hormat-menghormati

Ziarah-menziarahi

Gotong-royong

Tolong-menolong



KEGIATAN MASA LAPANG

| Pemerintah | Aktiviti/Waktu | Bangsawan dan rakyat |
|---|-----------------|--|
| Ketika tidak menjalankan urusan pentadbiran negara | WAKTU | Semasa menunggu hasil atau selepas menuai hasil serta waktu petang dan malam |
| Dihiburkan oleh golongan penghibur seperti tukang cerita, penyair, penyanyi dan ahli muzik. Tarian Asyik dan Tarian Mak Yong dipersembahkan | AKTIVITI | Bermain sepak raga, catur, senjata, bersilat dan menunggang kuda. Bagi rakyat biasa mereka bermain gasing, layang-layang, bersilat, congkak dan bercerita. |



KARYA PERSURATAN

| | |
|-------------------------|--|
| Karya Persuratan | Merupakan satu cara untuk menyampaikan buah fikiran |
| Tulisan yang dihasilkan | Tulisan jawi |
| Bidang yang dihasilkan | Bidang agama, kesusasteraan, ketatanegaraan, sejarah, bahasa, perubatan |
| Karya yang dihasilkan | Misa Melayu, Sejarah Melayu, Syair Sultan Ahmad Tajiddin, Nazam Kamzul Ula |

ADAT RESAM



ADAT MENYAMBUT BAYI

Diadakan selepas
seminggu bayi
dilahirkan sebagai
tanda kesyukuran

Diadakan juga
bacaan berzanji
dan marhaban

Diakhiri dengan
bacaan tahlil dan
doa selamat

ADAT RESAM

MAJLIS BERKHATAN

Kanak-kanak lelaki yang sudah baligh atau cukup matang akan dikhatankan secara beramai-ramai

Sebelum dikhatankan kanak-kanak ini akan dimandikan dan diarak mengelilingi kampung

Upacara ini dilaksanakan oleh Tuk Mudin

PENDIDIKAN

| | | |
|--|--------------------------------|---|
| Pendidikan tidak formal | JENIS | Pendidikan formal |
| Cerita lisan, peribahasa, pantun dan teka-teki | HURAIAN | Berkembang selepas kedatangan Islam |
| Pantang larang, adat istiadat, adat sopan, kemahiran pertukangan, ilmu perubatan tradisional, seni mempertahankan diri | PERKARA YANG DIPELAJARI | Mempelajari kitab muqaddam dan al-Quran, fardu ain, mengira dan menulis, jawi, tajwid, rukun Islam dan rukun iman |
| Secara tidak langsung dan melalui pemerhatian | CARA BELAJAR | Diajar di istana, masjid, pondok, madrasah, surau atau di rumah guru agama. |
| Membolehkan individu berdikari | TUJUAN | Melahirkan individu yang berakhlak mulia, bersopan dan berhemah tinggi |